

Isnin, Mac 26 2018

Bank Dunia persoal cara PH tampung hasil jika hapus GST

BH 26/3

➔ **Ekonomi**
negara bakal
alami kesan
negatif jangka
masa panjang



PRU14
#jomundi

Oleh **Rizanizam Abdul Hamid**
mrizanizam@nstp.com.my

— Kuala Lumpur

Bank Dunia mempersoalkan bagaimana Pakatan Harapan (PH) yang diketuai DAP, mendapatkan sumber pendapatan negara, jika mereka memansuhkan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Pengurus Negara bagi Malaysia untuk Kumpulan Bank Dunia, Faris H Hadad-Zervos, berkata ekonomi negara bakal mengalami kesan negatif jangka panjang jika GST dihapuskan kerana mengakibatkan kehilangan hasil yang banyak.

Katanya, pada tahun lalu saja, Malaysia memperoleh RM45 bilion melalui kutipan GST.

Sehubungan itu, Hadad Zervos menerusi satu video dipetik daripada sebuah portal mengajukan beberapa soalan utama jika GST dihapuskan seperti dijanjikan PH.

“Apakah sumber pendapatan lain diperlukan untuk negara selepas GST dimansuhkan? Adakah anda mahu kurangkan

sumber pendapatan negara?

“Adakah anda selamanya ingin bergantung kepada komoditi sedangkan harganya juga tidak menentu mengikut pasaran dunia,” katanya seperti disiarkan di <https://www.nx.digital/archives/world-bank-gst-abolition-to-bring-negative-impact-on-msia-economy->.

Beliau turut mempersoalkan apakah tindakan PH untuk mengurangkan portfolio sumber pendapatan negara ini.

“Apakah yang anda ingin berikan kepada rakyat apabila melepaskan GST? Apakah perkhidmatan, manfaat atau perbelanjaan yang akan anda lupakan?” katanya.

Janji populis

Janji PH menghapuskan GST dan mengembalikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dianggap ramai sebagai janji populis kerana tidak pernah menerangkan bagaimana cara menampung kekurangan hasil lebih RM20 bilion akibat penghapusan GST.

Mengulas lanjut, Hadad Zervos berkata, pelaksanaan GST juga berjaya membantu kerajaan memberi bantuan tunai

kepada golongan sasar menerusi Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), sekali gus mengurangkan peningkatan kos sara hidup.

Bagaimanapun, katanya, pemberian BR1M perlu ditambah baik mengikut lokasi dan bilangan ahli keluarga.

“Keluarga di Kelantan yang menerima BR1M dapat bayaran sama dengan keluarga di Kuala Lumpur. Keluarga yang ada lima anak juga menerima jumlah sama keluarga seorang anak.

“Jadi, ia sebenarnya perlu lebih diperincikan dan dibuat dengan teliti mengikut sasaran,” katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sebelum ini berkata, Malaysia akan menjadi negara defisit seperti Greece dan Itali jika GST digantikan semula dengan SST seperti dihasratkan pembangkang menerusi janji manifesto bagi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Sehingga kini, 164 negara sudah melaksanakan GST dengan yang terbaru India dan Perdana Menteri dimaklumkan tier tertinggi kutipan GST bagi negara itu adalah 28 peratus.